

\$11.6 juta dibelanjakan

Hujan tiruan: KL rancang kerjasama negara Asean

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan Malaysia akan bekerjasama dengan anggota-anggota Asean lainnya memperbaiki teknik mencipta hujan tiruan di negara ini di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar menegaskan di Dewan Rakyat hari ini, beberapa anggota Asean telah mencapai beberapa kejayaan dalam memperbaiki teknik itu.

Menjawab soalan Enik Alias Ali (BN-Ulu Trengganu), Timbalan Menteri itu berkata, kerajaan telah membelanjakan \$11.6 juta untuk mencipta hujan tiruan di negara ini sejak lima tahun lalu.

Sebahagian besar perbelanjaan ini, tambahnya, adalah untuk menyewa kapal terbang dari Tentera Udara Diraja Malaysia atau syarikat swasta dengan kadar \$7,000 sehari.

Faedah

Katanya, hujan tiruan ialah satu operasi yang memerlukan perbelanjaan besar dan boleh mendatangkan faedah sekiranya dilaksanakan dalam keadaan udara yang sesuai.

Oleh itu, katanya, penciptaan hujan tiruan tidak boleh dianggap sebagai satu penyelesaian yang kekal atau jangka panjang, tetapi ianya patut dianggap sebagai satu langkah sementara untuk mengatasi kemarau.

"Adalah sukar untuk menilai hasil dan faedah ekonomi dari usaha-usaha ini dan operasi hujan tiruan ini tidak harus



DATUK ABU HASSAN OMAR

dipandang sebagai satu usaha yang akan memberikan keuntungan ekonomi sahaja.

"Kita patut mengambil kira faedahnya sebagai salah satu cara menyelesaikan masalah sosio-ekonomi yang timbul akibat dari kejadian kemarau.

"Adalah jelas bahawa hujan tiruan yang dilaksanakan di kawasan Mada dan Ampangan Temenggor telah memberi sumbangan bagi membolehkan kawasan berkenaan mengatasi kemarau," katanya.

Kehilangan tanaman luar musim dalam tahun 1978 di kawasan Mada, kata Datuk Abu Hassan, telah mengakibatkan kerugian \$82 juta dan dengan bantuan hujan tiruan, tanaman luar musim dalam tahun-tahun berikutnya dapat dijalankan dan tiada tanaman yang dibatalkan.

"Operasi hujan tiruan di Ampangan Temenggor telah membantu paras air di dalamnya mencapai suatu tingkat yang membolehkan ampangan itu mengeluarkan kuasa haidroelektrik dengan muatan penuh," katanya.